

12 OCT 1997

Mahathir-Penjajahan

MAHATHIR: PENJAJAHAN ERA BARU GUNA KEKUATAN EKONOMI

LANGKAWI, 12 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat mengenai usaha menjajah dalam era baru yang menggunakan kekuatan ekonomi untuk menekan negara-negara yang pernah dijajah sebelum ini.

"Selepas mereka terlepas untuk menjadikan Malaysia sebagai tanah jajahan, mereka cuba menjajah dengan menggunakan kekuasaan dan kekayaan ekonomi untuk memperhambakan kita semula," katanya dalam ucapan sempena majlis menyambut beliau di lapangan terbang antrabangsa Langkawi.

Lebih 1,000 orang termasuk anggota UMNO serta kakitangan badan bukan kerajaan dan sektor perhotelan berkumpul untuk menyatakan sokongan mereka kepada Perdana Menteri.

Dr Mahathir tiba di sini untuk lawatan sehari bagi meninjau perkembangan projek pembangunan di sini.

Perdana Menteri berkata kekuatan itu telah digunakan untuk memaksa sesebuah negara yang terpaksa berhutang supaya tunduk kepada kehendak mereka.

"Sudah banyak negara yang terpaksa tunduk kepada bentuk penjajahan baru itu tetapi Alhamdulillah kita belum terpaksa tunduk kepada mereka," katanya.

Katanya oleh kerana Malaysia maju dengan cepat dan mampu menyediakan peluang kerja kepada rakyat, ia dicemburui oleh mereka dengan cuba menjadikan Malaysia negara miskin.

Katanya mereka menekan supaya nilai mata wang negara ini jatuh.

"Ini cara diktator dulu yang menekan orang yang lemah," kata Dr Mahathir.

Untuk mengatasi masalah itu, beliau meminta semua rakyat supaya bersatu padu dan berdisipin serta jangan membuat tindakan yang boleh merugikan negara.

Beliau mengingatkan rakyat terutama golongan peniaga supaya tidak mengambil untung lebih pada masa ini dengan menaikkan harga barang tanpa sebab atau cuba memberhentikan pekerja.

"Jika kita semua mengekalkan perpaduan yang ada dan bersatu hati, InsyAllah kita akan dapat melawan penjajahan zaman moden ini," katanya.

Dr Mahathir juga menyelar tindakan stesen televisyen Cable News Network yang cuba melaga-lagakan Malaysia dengan Indonesia berhubung kejatuhan nilai mata wang republik itu.

Katanya CNN telah mengajukan soalan kepada Gabenor Bank Indonesia sama ada kejatuhan nilai rupiah disebabkan oleh ucapan beliau (Dr Mahathir).

Soalan itu diulang walaupun Gabenor Bank republik itu menjawab bahawa naik turun nilai rupiah itu adalah perkara biasa, dan beliau tidak menyalahkan Dr Mahathir dalam perkara itu.

"Saya tegur CNN, buat apa nak laga-lagakan, supaya Gabenor itu marah saya dan hubungan di antara Malaysia dengan Indonesia menjadi tegang," katanya.

Dr Mahathir berkata usaha itu tidak berhenti setakat itu sahaja kerana mereka beberapa kali menyiarkan pula gambar mengenai peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969.

"Mereka menyiarkannya berulang kali dalam sehari dengan mengatakan walaupun hari ini aman di Malaysia, rusuhan kaum antara Melayu, Cina dengan India akan berlaku semula sebagai amaran supaya jangan sesiapa melabur atau berniaga di Malaysia serta jadi pelancong di negara ini," katanya.

Dr Mahathir pulang ke Kuala Lumpur petang ini. -- BERNAMA
NH MAI